



KEMENTERIAN  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG  
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**SEMPENA:  
MAJLIS PELANCARAN  
PROGRAM *RURAL BUSINESS CHALLENGE 2.0* DAN  
MAJLIS GRADUASI PESERTA AKTIVITI BIMBINGAN  
KELAB USAHAWAN 1 JUTA (KU1J)**

**PADA  
24 NOVEMBER (JUMAAT)**

**BERTEMPAT DI:  
ANJUNG FLORIA, KARNIVAL USAHAWAN DESA (KUD) @  
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Luar Bandar Sejahtera

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

## **SALUTASI (Akan diberikan pada hari program)**

### **ALUAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, dapat kita bersama-sama pada pagi ini di Anjung Floria, Putrajaya bagi Majlis Pelancaran Program *Rural Business Challenge 2.0* (RBC 2.0) dan Graduasi Peserta Aktiviti Bimbingan Kelab Usahawan 1 Juta (KU1J) bersempena Karnival Usahawan Desa @ Putrajaya.
2. Saya juga turut mengalu-alukan kehadiran dan berterima kasih kepada Pengurusan Tertinggi KKDW, Ketua Pengarah RISDA, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian, Ketua Eksekutif UCAM, Ketua-Ketua jabatan dan agensi serta wakil pihak Richworks International Sdn. Bhd yang telah sama-sama memberikan komitmen tidak berbelah bahagi bagi membantu KKDW dalam menjayakan majlis ini.

## **PENDAHULUAN**

Hadirin sekalian,

3. Saya cukup tertarik dengan rangkuman video yang ditayangkan dalam montaj sebentar tadi di mana kita dapat menyaksikan pencapaian usahawan desa yang cukup hebat dan membanggakan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada **19 orang usahawan desa** yang masing-masing telah mencapai **jumlah nilai jualan melebihi RM 1 juta** setelah **12 bulan** mengikuti **Aktiviti Bimbingan KU1J@KPLB yang dikendalikan secara eksklusif oleh pihak Richworks International Sdn. Bhd.**
  
4. Untuk makluman semua, Aktiviti Bimbingan KU1J ini adalah merupakan satu **program coaching dan mentoring usahawan desa bersama pakar pembimbing perniagaan** bagi mencapai jumlah **nilai jualan tahunan RM1 juta yang pertama.**
  
5. Aktiviti bimbingan ini telah bermula pada **4 Oktober 2022** sehingga **30 September 2023** selepas pelancarannya pada 21 September 2022. Seramai 62 orang calon peserta yang telah disenarai pendek namun hanya **25 orang usahawan** sahaja daripada seluruh agensi di bawah Kementerian yang melepasi semua syarat dan tapisan temu duga yang ditetapkan.

6. Sepanjang 12 bulan aktiviti bimbingan KU1J, para peserta telah didedahkan dengan bimbingan secara fizikal dan maya yang intensif dalam bidang keusahawanan merangkumi **Pengurusan Pemasaran, Pematuhan, Operasi, Kepimpinan, Pembangunan Perniagaan serta Aktiviti Mentoring.**
7. Dengan berakhirnya aktiviti bimbingan ini pada September yang lalu, kita turut menyaksikan lakaran sejarah Kementerian di mana **keseluruhan peserta KU1J** berjaya mencatatkan **hasil jualan tahunan melebihi RM 38 juta** dengan purata jualan sebanyak RM1.5 juta bagi setiap usahawan. **Pencapaian ini menunjukkan peningkatan sebanyak 73% berbanding tahun sebelum mengikuti Aktiviti Bimbingan KU1J ini.**
8. Berdasarkan pencapaian tersebut, terang lagi bersuluh elemen **coaching** dan **mentoring** amat signifikan dalam memastikan usahawan ini dapat diterapkan dengan pelbagai kemahiran dan pengetahuan baik dari segi ilmu pengurusan perniagaan sehinggalah kepada teknik-teknik pemasaran digital yang terkini demi memastikan usahawan-usahawan desa kekal berdaya maju, berdaya tahan seterusnya relevan untuk bersaing dengan usahawan-usahawan lain.

## **PELANCARAN RBC 2.0**

Hadirin sekalian,

9. Saya difahamkan, **Aktiviti Bimbingan KU1J** ini adalah merupakan salah satu daripada beberapa **aktiviti sokongan keusahawanan yang telah dirancang di bawah Program *Rural Business Challenge 2.0* (RBC 2.0)**. Ia merupakan antara platform bagi usahawan-usahawan RBC sedia ada untuk mempertingkatkan lagi prestasi seterusnya mengembangkan perniagaan secara lebih terancang memandangkan **hampir separuh daripada peserta Aktiviti Bimbingan KU1J adalah usahawan RBC**.
10. Sebagai makluman, RBC 2.0 adalah merupakan kesinambungan daripada Program RBC terdahulu iaitu program **pengembangan perniagaan melalui pertandingan rancangan perniagaan dalam kalangan usahawan desa**
11. Program pengembangan perniagaan ini akan mengutamakan usahawan-usahawan belia luar bandar yang menjalankan perniagaan **berimpak tinggi, kreatif, inovatif, berteraskan ekonomi digital, bioekonomi dan ekonomi hijau** demi memastikan Kerajaan mendapat ***best value for money*** seterusnya memberikan limpahan peluang ekonomi kepada masyarakat luar bandar. Ini bertepatan dengan matlamat program ini yang antaranya untuk menjadikan

**keusahawanan sebagai kerjaya pilihan** yang akhirnya dapat **meningkatkan pendapatan** dan **mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.**

Hadirin sekalian,

12. Sebelum Program RBC 2.0 dilaksanakan, Kementerian melalui Universiti Kuala Lumpur (UniKL) telah melaksanakan **Kajian Impak Pelaksanaan RBC** pada tahun 2021 dan mendapati bahawa, sekurang-kurangnya **16 orang usahawan** telah mencapai **status jutawan** melalui program ini; **89%** daripada responden telah **berjaya melahirkan sehingga 50 orang usahawan baru**; **80%** daripada responden **berjaya menyediakan sehingga 20 peluang pekerjaan** dan **80%** responden telah berjaya **meningkatkan jualan** sehingga **30%** selepas menyertai RBC.
13. Berdasarkan data-data kejayaan yang telah saya kongsikan tadi, maka wajarlah Program RBC 2.0 ini dilaksanakan semula demi memartabatkan tahap sosioekonomi masyarakat di luar bandar secara holistik. Untuk makluman, kali terakhir Program RBC ini dilaksanakan adalah pada tahun 2017.

## **PERTANDINGAN RBC 2.0**

14. Justeru, pada hari Jumaat yang penuh berkat ini, sukacita saya ingin mengumumkan di sini bahawa **permohonan untuk menyertai Pertandingan RBC 2.0 Tahun 2023 akan dibuka bermula pada hari ini** melalui laman sesawang RBC 2.0 (<https://rbc2u.com>).
15. Untuk makluman semua, tarikh tutup penyertaan adalah pada **31 Januari 2024**. Permohonan yang dikemukakan akan melalui beberapa proses tapisan dan penilaian secara atas talian dan fizikal bagi memastikan bakal-bakal pemenang yang terpilih adalah usahawan desa yang benar-benar berpotensi dan *viable*.

Hadirin Sekalian,

16. Bagi merealisasikan matlamat Program RBC 2.0 yang telah ditetapkan maka pihak Kementerian **bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM15 juta sebagai geran untuk dimenangi oleh para usahawan belia luar bandar**. Oleh itu, saya menyeru kepada seluruh usahawan belia luar bandar yang berpotensi di luar sana agar dapat memanfaatkan peluang keemasan ini sebaik-baiknya dengan mengemukakan permohonan dan bersaing secara sihat dalam program ini. Bak kata pepatah, **“kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya”**.

17. Saya juga percaya melalui inisiatif ini, umpama **“berkayuh sambil bertimba”** di mana kita juga boleh **memulihkan semula** dan **merapatkan jurang ekonomi komuniti luar bandar** selaras dengan kerangka Ekonomi Madani untuk mengangkat semula ekonomi Malaysia yang akhirnya dapat membawa limpahan hasil kepada rakyat bagi menikmati kehidupan lebih berkualiti.

## **PENUTUP**

18. Akhir kata, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya melancarkan **Program Rural Business Challenge 2.0** seterusnya merasmikan **Majlis Graduasi Peserta Aktiviti Bimbingan KU1J.**

**“AYUH MAJUKAN PERNIAGAAN ANDA!”**

19. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.

**YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**  
**24 November 2023**